JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

Nik Abd Rahim bin Abdul Jalil lwn Suhaili bin Abdul Halim dan lain-lain

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO D-01–27–01 TAHUN 2012
ABU SAMAH, DAVID WONG DAN TENGKU MAIMUN HHMR
24 FEBRUARI 2014

Prosedur Sivil — Rayuan — Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi — Pemalsuan borang pendaftaran perubahan maklumat pemilik — Syarikat menjalankan perniagaan pembalakan — Permohonan plaintif bagi pembatalan nama defendan pertama dan memasukkan nama plaintif sebagai pemilik syarikat — Mahkamah Tinggi menolak tuntutan plaintif — Beban pembuktian bagi tuntutan berlandaskan penipuan dan pemalsuan — Sama ada plaintif berjaya membuktikan tuntutan

Perayu ('plaintif') mendapati bahawa namanya telah dikeluarkan daripada Syarikat Bulan Cendana Enterprise ('Sykt BCE') dan digantikan dengan nama defendan pertama sebagai pemilik tunggal. Pada masa yang sama, defendan kelima dan keenam telah meluluskan suatu kawasan pembalakan kepada Sykt BCE. Plaintif membuat laporan polis menyatakan bahawa dia tidak pada bila-bila masa menandatangani apa-apa borang daftar perubahan pemilikan syarikat dan bahawa tandatangannya telah dipalsukan. Plaintif juga menulis surat kepada defendan kelima dan ketujuh memaklumkan bahawa syarikat telah ditukar milik secara penipuan dan meminta defendan kelima menahan apa-apa kegiatan pembalakan oleh Sykt BCE. Siasatan polis mendapati bahawa defendan kedua memalsukan tandatangan plaintif dalam Borang B4 dan surat akuan sumpah bagi tujuan pendaftaran perubahan pemilikan Sykt BCE. Di mahkamah majistret, defendan kedua dituduh dengan sembilan pertuduhan berkait dengan kes penipuan dan pemalsuan dokumen namun dilepaskan tanpa dibebaskan. Walaupun pada mulanya lesen pembalakan kepada BCE telah ditangguhkan berikutan aduan plaintif dan pertuduhan defendan kedua, defendan kelima telah memberi kebenaran dan mengeluarkan lesen untuk kegiatan pembalakan diteruskan berdasarkan keputusan mahkamah majistret. Plaintif memfailkan tindakan terhadap defendan-defendan memohon relief, antara lain, untuk suatu perintah agar defendan ketujuh membuat pembetulan pendaftaran pemilikan ke atas syarikat BCE dengan membatalkan nama defendan pertama dan memasukkan nama plaintif manakala terhadap defendan-defendan pertama hingga keenam, untuk ganti rugi akibat kehilangan hak dan perniagaan atas kayu-kayu balak. Terhadap defendan kelima dan keenam, asas tindakan adalah *misfeasance*. Hakim Mahkamah Tinggi menolak tuntutan plaintif. Tidak berpuas hati, plaintif memfailkan rayuan ini.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan plaintif dengan kos:

(1) Penghakiman dimasukkan terhadap defendan kedua untuk ganti rugi akan ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar bagi kehilangan hak plaintif terhadap kayu balak dan kehilangan peluang perniagaan berkaitan kayu balak tersebut. Selebihnya, rayuan plaintif ditolak dengan kos (lihat perenggan 6).

(2) Dalam menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua, hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya melampaui keraguan munasabah. Hakim Mahkamah Tinggi khilaf dalam mengguna pakai beban pembuktian melampaui keraguan yang munasabah. Tidak dinafikan bahawa tindakan plaintif terhadap defendan kedua adalah berasaskan pemalsuan tandatangan plaintif oleh defendan kedua tetapi beban pembuktian adalah atas imbangan kebarangkalian (lihat perenggan 17–18).

(3) Hakim Mahkamah Tinggi bergantung kepada fakta pelepasan tanpa pembebasan defendan kedua daripada pertuduhan menipu dan memalsukan dokumen di mana beliau mendapati bahawa dakwaan defendan kedua melakukan penipuan/pemalsuan adalah tidak konklusif. Isu pemalsuan tandatangan plaintif oleh defendan kedua dan tuntutan plaintif terhadap defendan kedua boleh diputuskan tanpa merujuk kepada keputusan mahkamah majistret berhubung pertuduhan penipuan dan pemalsuan dokumen terhadap defendan kedua. Hakim Mahkamah Tinggi khilaf apabila menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua berdasarkan keputusan mahkamah majistret melepaskan tanpa membebaskan defendan kedua (lihat perenggan 19–20).

(4) Walaupun tanpa laporan kimia, keterangan lisan dan dokumentari yang mencukupi untuk menyokong pengataan plaintif bahawa defendan kedua telah memalsukan tandatangan plaintif (lihat perenggan 21).

[English summary

The appellant ('the plaintiff') discovered that his name was removed from Syarikat Bulan Cendana Enterprise ('Sykt BCE') and was replaced with the defendant's name as the sole owner. At the same time, the fifth and sixth defendants had approved a logging area to Sykt BCE. The plaintiff filed a police report stating that he did not, at any time, execute any registration of transfer of the company's ownership and that the signature had been forged. The plaintiff also wrote to the fifth and seventh defendants, notifying them that the company had been transferred fraudulently and applied for the fifth defendant to suspend any logging activities by Sykt BCE. Police investigation revealed that the second defendant forged the plaintiff's signature in Form B4 and the letter of oath for the purpose of registering the transfer of Sykt BCE's ownership. In the magistrate's court, the second defendant was charged with

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

nine charges in relation to fraud and forgery of documents cases but was discharged without acquittal. Even though logging license to BCE was initially suspended following the plaintiff's complaint and the second defendant's charge, the fifth defendant had given permission and had issued a license for logging activities to be continued based on the decision of the magistrate's court. The plaintiff filed an action against the defendants, seeking reliefs, inter alia, for the seventh defendant to make rectification on the registration of ownership of Sykt BCE by revoking the first defendant's name and inserting the plaintiff's name while against the first to sixth defendants, for damages following loss of rights and logging business. Against the fifth and sixth defendants, the ground of action was misfeasance. The High Court judge dismissed the plaintiff's claim. Dissatisfied, the plaintiff filed the present appeal.

Held, allowing the plaintiff's appeal in part with costs:

(1) The judgment entered against the second defendant for damages would be assessed by the senior assistant registrar for the plaintiff's loss of rights on logging and loss of business opportunities in relation to the logs. In furtherance, the plaintiff's appeal was dismissed with costs (see para 16).

(2) In dismissing the plaintiff's claim against the second defendant, the High Court judge held that the plaintiff failed to prove his claim beyond reasonable doubt. The High Court judge had erred in applying the burden of proof of beyond reasonable doubt. There was no doubt that the plaintiff's action against the second defendant was based on the forgery of the second defendant but the burden of proof was on the balance of probabilities (see paras 17–18).

(3) The High Court relied on the fact of the second defendant's discharge without acquittal from the charge of fraud and forgery of documents where His Lordship found the second defendant's allegation of committing fraud/forgery was not conclusive. The issue of forgery of the plaintiff's signature by the second defendant and the plaintiff's claim against the second defendant could be decided without referring to the decision of the magistrate's court in relation to the fraud and forgery of document against the second defendant. The High Court judge erred when His Lordship dismissed the plaintiff's claim against the second defendant based on the decision of the magistrate's court in acquitting without discharging the second defendant (see paras 19–20).

(4) Even without the chemist report, the oral and documentary evidence were sufficient to support the plaintiff's allegation that the second defendant had forged the plaintiff's signature (see para 21).]

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap kaputusan Mahkamah Tinggi, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 871–879.

Kes-kes yang dirujuk

Boonsoom Boonyanit v Adorna Properties Sdn Bhd [1997] 2 MLJ 62; [1997] 3 CLJ 17, MR (dirujuk)

Ng Kim Moi (P) & Ors v Pentadbir Tanah Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus (Negeri Sembilan Township Sdn Bhd & Anor, proposed Intervenors) [2004] 3 MLJ 301, MR (dirujuk)

Yeo Liong Ho v Loh Choon Hooi [2010] 1 MLJ 838; [2010] 2 CLJ 580, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 k 13

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 22–66 Tahun 2005 (Mahkamah Tinggi, Kota Bharu)

Zainal Abidin bin Mustaffa (Zainal & Mariani) bagi pihak perayu.

Mohd Nasir bin Abdullah (Mohd Nasir & Mohd Haizal) bagi pihak responden pertama dan kedua.

Nooriah bt Osman (Penolong Penasihat Undang-Undang, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Negeri Kelantan) bagi pihak responden ketiga dan keempat.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu di hadapan kami adalah plaintif di Mahkamah Tinggi. Untuk memudahkan rujukan, pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana kedudukan mereka di Mahkamah Tinggi.

[2] Fakta kes ini adalah seperti berikut. Pada 13 September 2000 Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan (defendan kelima) dan Kerajaan Negeri Kelantan (defendan keenam) telah meluluskan suatu kawasan pembalakan kepada syarikat Bulan Cendana Enterprise ('BCE'). Pada ketika itu, pemilik BCE adalah plaintif bersama Zainab bt Deris. Bermula 1 November 2000 plaintif menjadi pemilik tunggal syarikat BCE.

[3] Pada lebih kurang 2 Ogos 2001, plaintif mendapati bahawa namanya telah dikeluarkan daripada syarikat BCE dan digantikan dengan nama defendan pertama sebagai pemilik tunggal. Pendaftaran syarikat BCE oleh defendan ketujuh menunjukkan defendan pertama mula menjadi pemilik tunggal pada 13 Januari 2001.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

[4] Pertukaran itu dilaksanakan mulanya melalui Borang Pendaftaran Perubahan Maklumat Pemilik ('Borang B4') bertarikh 11 November 2000 yang disaksikan oleh defendan keempat di mana defendan pertama menjadi pemilik syarikat BCE bersama-sama dengan plaintif. Kemudiannya, melalui Borang B4 bertarikh 13 Januari 2001 yang disaksikan oleh defendan ketiga, plaintif menarik diri sebagai pemilik syarikat BCE. Kedua-dua defendan ketiga dan keempat adalah pesuruhjaya sumpah.

[5] Pada 8 Ogos 2001 plaintif membuat laporan polis menyatakan bahawa beliau tidak pada bila-bila masa menandatangani apa-apa borang daftar perubahan pemilikan syarikat dan bahawa beliau mengesyaki tandatangannya telah dipalsukan. Pada tarikh yang sama plaintif juga menulis surat kepada defendan kelima dan ketujuh memaklumkan bahawa syarikat telah ditukar milik secara penipuan dan meminta defendan kelima menahan apa-apa kegiatan pembalakan oleh syarikat BCE dan meminta defendan ketujuh menyiasat mengenai penipuan itu.

[6] Siasatan yang dijalankan oleh pihak polis mendapati bahawa defendan kedua adalah dalang kepada penipuan ini di mana defendan kedua telah memalsukan tandatangan plaintif di dalam Borang B4 dan surat akuan sumpah bagi tujuan pendaftaran perubahan pemilikan syarikat BCE. Siasatan pihak polis juga mendapati bahawa plaintif tidak pernah hadir di hadapan pesuruhjaya sumpah bagi menandatangani borang-borang berkaitan.

[7] Pada 5 Ogos 2002 defendan kedua dihadapkan di Mahkamah Majistret Kota Bharu dengan sembilan pertuduhan berkait dengan kes penipuan dan pemalsuan dokumen.

[8] Walaupun pada mulanya lesen pembalakan kepada BCE telah ditangguhkan berikutan aduan plaintif dan pertuduhan defendan kedua, pada sekitar November 2004, defendan kelima telah memberi kebenaran dan mengeluarkan lesen untuk kegiatan pembalakan diteruskan. Keputusan ini dibuat setelah defendan kelima mendapati bahawa defendan kedua telah dilepaskan tanpa dibebaskan ('DNAA') oleh mahkamah majistret. Ekoran daripada keputusan tersebut, defendan pertama telah mengeluarkan balak dari kawasan pembalakan berkenaan.

[9] Pada 2 Ogos 2005 plaintif memfailkan tindakan terhadap defendan-defendan memohon relief, antara lain, untuk suatu perintah agar defendan ketujuh membuat pembetulan pendaftaran pemilikan ke atas syarikat BCE dengan membatalkan nama defendan pertama dan memasukkan nama plaintif manakala terhadap defendan-defendan pertama hingga keenam, untuk ganti rugi akibat kehilangan hak dan perniagaan atas kayu-kayu balak. Terhadap defendan kelima dan keenam, asas tindakan adalah *misfeasance*.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

[10] Defendan kedua di dalam penyata pembelaannya menafikan dakwaan plaintif mengenai penipuan dan meletakkan plaintif di atas beban bukti yang kukuh. Inti pati pembelaan defendan keempat ialah bahawa defendan pertama dan defendan kedua ada berjumpa dengan beliau untuk mendapatkan pengesahan saksi dan bahawa defendan pertama dan kedua telah mengemukakan kepada defendan keempat satu salinan Borang 4B yang telah ditandatangani oleh plaintif (seperti dinyatakan oleh defendan kedua).

[11] Bagi defendan kelima dan keenam pula, inti pati pembelaan yang diplid ialah bahawa defendan kelima hanya mengarahkan transaksi pelesenan kawasan balak diteruskan oleh syarikat BCE selepas mendapat maklum balas daripada pihak polis tentang pelepasan tanpa pembebasan defendan kedua.

[12] Penghakiman ingkar dimasukkan terhadap defendan pertama yang gagal memfailkan memorandum kehadiran dan juga terhadap defendan ketiga yang tidak hadir pada hari perbicaraan. Terhadap defendan ketujuh pula, penghakiman persetujuan telah direkodkan.

DAPATAN MAHKAMAH TINGGI

[13] Selepas bicara penuh yang dijalankan terhadap defendan kedua, keempat, kelima dan keenam, YA Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah menolak tuntutan plaintif. YA HMT membuat dapatan dan keputusan berikut:

> 16 Berhubung Defendan Kedua dan Keempat, tuntutan Plaintif adalah berpremiskan kepada perbuatan penipuan/pemalsuan pada Borang Pindah Milik Syarikat sepertimana diplid di para 14(a)-(d) Pernyataan Tuntutan beliau. Plaintif mendakwa bahawa Defendan Kedua dan Keempat bersama-sama Defendan Pertama dan Ketiga terlibat dalam penipuan tersebut.
>
> 17 Beban pembuktian bagi tuntutan berlandaskan penipuan dan pemalsuan adalah jelas, iaitu pihak yang mendakwa (alleging party) hendaklah membuktikan melampaui keraguan yang munasabah bahawa penipuan telah dilakukan oleh Defendan sepertimana butir-butir yang dinyatakan.
>
> 18 Malangnya dalam kes ini, saya dapati tiada keterangan yang melampaui keraguan yang munasabah telah dikemukakan terhadap Defendan Kedua dan Keempat berhubung penipuan/pemalsuan.
>
> 19 Menurut Pegawai Penyiasat (SP2) hasil siasatan polis hanya Defendan Kedua seorang sahaja yang terlibat dalam penipuan berkenaan. Oleh itu, berdasarkan keterangan SP2 yang tidak disangkal dan juga yang merupakan saksi Plaintif maka saya dapati Plaintif gagal untuk membuktikan dakwaan beliau terhadap Defendan Keempat.
>
> 20 Berhubung Defendan Kedua pula, walaupun menurut SP2, hasil siasatan polis mendapati beliau terlibat dan telah dituduh berhubung kesalahan tersebut, pertuduhan terhadap Defendan Kedua telah di DNAA. Ini bermakna bahawa

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

dakwaan bahawa Defendan Kedua telah melakukan penipuan/pemalsuan tandatangan Plaintif masih belum terbukti secara konklusif.

21 Plaintif gagal untuk mengemukakan keterangan menyokong seperti laporan Kimia untuk membuktikan butir-butir penipuan iaitu Defendan Kedua telah meniru/memalsukan tandatangan Plaintif pada Borang Pendaftaran Perubahan Maklumat Pemilik.

[14] Berhubung tuntutan plaintif terhadap defendan kelima dan keenam, YA HMT mendapati bahawa plaintif gagal membuktikan *misfeasance* sepertimana diplid. Berikut alasan YA HMT:

22 Berhubung Defendan Kelima dan Keenam saya mendapati bahawa berdasarkan surat-menyurat antara mereka dengan pihak polis jelas menunjukkan mereka telah bertindak secara 'prudent' dan setelah mengambil langkah-langkah yang perlu dan wajar sebelum mengeluarkan lesen kepada Defendan Pertama.

[15] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, plaintif merayu kepada Mahkamah Rayuan.

DAPATAN MAHKAMAH RAYUAN

[16] Kami telah, sebulat suara, membenarkan sebahagian rayuan plaintif dengan kos. Perintah Mahkamah Tinggi yang menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua diketepikan. Penghakiman dimasukkan terhadap defendan kedua untuk ganti rugi yang akan ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar bagi kehilangan hak plaintif terhadap kayu balak dan kehilangan peluang perniagaan berkaitan kayu balak tersebut. Selebihnya, rayuan plaintif adalah ditolak dengan kos. Alasan kami adalah seperti berikut.

[17] Di dalam menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua, YA HMT menyatakan bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya melampaui keraguan yang munasabah. Adalah pendapat kami bahawa YA HMT telah khilaf dalam mengguna pakai beban pembuktian melampaui keraguan yang munasabah.

[18] Tidak dinafikan bahawa tindakan plaintif terhadap defendan kedua adalah berasaskan pemalsuan tandatangan plaintif oleh defendan kedua. Beban pembuktian bagi kes-kes seumpama ini adalah di atas imbangan kebarangkalian (lihat kes *Boonsoom Boonyanit v Adorna Properties Sdn Bhd* [1997] 2 MLJ 62; [1997] 3 CLJ 17).

[19] Seterusnya, YA HMT bergantung kepada fakta pelepasan tanpa pembebasan defendan kedua daripada pertuduhan menipu dan memalsukan dokumen di mana YA HMT mendapati bahawa dakwaan defendan kedua melakukan penipuan/pemalsuan adalah tidak konklusif.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

[20] Kami berpendapat isu pemalsuan tandatangan plaintif oleh defendan kedua dan tuntutan plaintif terhadap defendan kedua boleh diputuskan tanpa merujuk kepada keputusan mahkamah majistret berhubung pertuduhan penipuan dan pemalsuan dokumen terhadap defendan kedua. Justeru, YA HMT adalah khilaf apabila menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua berdasarkan keputusan mahkamah majistret melepaskan tanpa membebaskan defendan kedua.

[21] YA HMT juga menyatakan bahawa plaintif gagal membawa laporan kimia sebagai keterangan sokongan untuk membuktikan defendan kedua meniru atau memalsukan tandatangan plaintif. Walaupun tanpa laporan kimia, kami dapati wujud keterangan lisan dan dokumentari yang mencukupi untuk menyokong pengataan plaintif bahawa defendan kedua telah memalsukan tandatangan plaintif.

[22] Defendan kedua melalui surat bertarikh 5 Jun 2002 membuat pengakuan kepada ketua penolong pengarah, cawangan defendan ketujuh di Kota Bharu. Perenggan 2 surat defendan kedua yang bertajuk 'PENGAKUAN PEMALSUAN DOKUMEN BORANG 4B KE ATAS SYARIKAT BULAN CENDANA ENTERPRISE, ' berbunyi:

> 2 Dengan ini saya mengaku bahawa pada 11hb November 2000, saya telah membuat pemalsuan dokumen borang (B4) bagi kemasukan *SHER KIM AIK* ke dalam Syarikat Bulan Cendana Enterprise. Pada 13 Januari 2001 juga saya telah membuat pemalsuan borang (B4) bagi mengeluarkan *Nik Abdul Rahim bin Nik Abdul Jalil*.

[23] Untuk maksud perbicaraan di Mahkamah Tinggi, surat pengakuan defendan kedua bertarikh 5 Jun 2002 di atas adalah dimasukkan di dalam ikatan dokumen dipersetujui (Bhgn B). Ini bermakna kewujudan surat tersebut adalah tidak dipertikaikan. Di hadapan kami, peguamcara bijaksana bagi defendan kedua berhujah bahawa pengakuan defendan kedua tidak patut diterima memandangkan ia suatu pengakuan yang dibuat melalui dorongan.

[24] Meneliti rekod rayuan, kami dapati bahawa surat defendan kedua bertarikh 5 Jun 2002 itu telah dirujuk oleh plaintif ketika memberi keterangan bahawa defendan kedua telah membuat pengakuan bertulis berhubung tindakannya memalsukan tandatangan plaintif. Ketika disoal balas oleh peguamcara bijaksana plaintif, defendan kedua mengakui membuat pengakuan tersebut. Di dalam pemeriksaan semula, defendan kedua mengakui bahawa beliau faham kandungan surat tersebut tetapi menyatakan beliau menandatangani surat tersebut kerana dijanjikan oleh C/Insp Husin bahawa tiada tindakan akan diambil terhadap beliau. Adalah pendapat kami bahawa surat defendan kedua yang merupakan keterangan dokumentari semasa mempunyai lebih nilai daripada keterangan lisannya (rujuk kes *Yeo Liong Ho v*

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

Loh Choon Hooi [2010] 1 MLJ 838; [2010] 2 CLJ 580). Keterangan dokumentari semasa itu dengan sendirinya menyokong pengataan plaintif dan mematahkan pembelaan defendan kedua.

[25] Kami bersetuju dengan YA HMT bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan keempat. Keterangan menunjukkan bahawa defendan keempat bertindak sebagai saksi atas dasar mempercayai defendan kedua yang telah memaklumkan defendan keempat bahawa dokumen-dokumen yang dikemukakan untuk pengesahan oleh defendan keempat itu telah ditandatangani oleh plaintif. Defendan keempat ternyata melanggar k 13 Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 apabila mengesahkan dokumen tanpa orang yang menyediakan dokumen tersebut hadir di hadapan beliau, tetapi pada pendapat kami, ia tidak membuktikan bahawa defendan keempat telah bertindak untuk menipu plaintif.

[26] Mengenai defendan kelima dan keenam, tindakan plaintif adalah berasaskan *misfeasance* yang diplid seperti berikut:

> 4 Defendan kelima adalah pekerja dan/atau ejen Defendan Keenam dan Defendan Keenam bertanggungjawab secara vikarius untuk segala tindakan-tindakan dan/atau ketinggalan-ketinggalan dan/atau keingkaran-keingkaran Defendan Kelima.
>
> 12 Defendan Kelima dan Keenam telah mengeluarkan lesen pembalakan kepada Defendan Pertama walaupun telah dibantah oleh Plaintif dan telah dimaklumkan oleh Plaintif tentang penipuan Defendan Pertama tersebut. Dengan itu menyebabkan kayu-kayu balak daripada kawasan yang diluluskan kepada syarikat tersebut telah dikeluarkan oleh Defendan Pertama dengan bantuan Defendan Kelima dan Keenam. Plaintif tegaskan bahawa Defendan Kelima dan Keenam telah bertindak secara misfeasans terhadap Plaintif kerana Defendan Kelima dan Keenam tidak ambil kisah tentang penipuan yang berlaku yang mana Defendan Kelima dan Defendan Keenam tahu bahawa Plaintif akan mengalami kerugian disebabkan penipuan tersebut.

[27] Di dalam kes *Ng Kim Moi (P) & Ors v Pentadbir Tanah Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus (Negeri Sembilan Township Sdn Bhd & Anor, proposed Intervenors)* [2004] 3 MLJ 301, rujukan telah dibuat kepada (*5th Ed*), *De Smith, Woolf and Jowell's Judicial Review of Administrative Action* yang menyatakan element *misfeasance* seperti berikut:

> A public authority or person holding a public office may be liable for the tort of misfeasance in public office where:
>
> (1) there is an exercise or non-exercise of public power, whether common law, statutory or from other source;
>
> (2) which is either (a) affected by malice towards the plaintiff or (b) the decision maker knows is unlawful; and

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 3 OUTPUT: Wed Sep 3 14:31:52 2014

(3) the plaintiff is in consequence deprived of a benefit or suffers other loss.

[28] Adalah diperhatikan bahawa selain daripada mengatakan defendan kelima dan keenam tidak ambil kisah tentang penipuan yang berlaku, plaintif tidak memplid fakta-fakta material berkaitan isu niat jahat atau isu tindakan defendan kelima menyalahi undang-undang.

[29] Keterangan menunjukkan bahawa defendan kelima telah bertindak menangguhkan pengeluaran lesen pembalakan sehingga siasatan oleh pihak polis berkenaan dengan isu pemalsuan dan penipuan pertukaran pemilikan syarikat BCE selesai. Hanya setelah membuat semakan dengan pihak polis dan setelah mendapati bahawa defendan kedua telah dilepaskan tanpa dibebaskan, barulah defendan kelima meneruskan dengan proses pengeluaran lesen pembalakan. Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan niat jahat oleh defendan kelima dalam meneruskan dengan proses pengeluaran lesen pembalakan itu. Dalam keadaan di mana defendan kelima mengambil langkah untuk membuat semakan dengan pihak polis berkenaan status siasatan kes penipuan oleh defendan kedua, defendan kelima tidak boleh dikatakan tidak ambil kisah tentang penipuan yang berlaku. Justeru, kami bersetuju dengan YA HMT bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan kelima dan keenam.

[30] Berdasarkan perkara-perkara di atas, kami dengan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan plaintif adalah dibenarkan sebahagian sebagaimana dinyatakan terdahulu.

Sebahagian rayuan dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor